

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS	:	KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS
KOD KURSUS	:	BBD 29003
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH)
TARIKH	:	JUN 2015 /JULAI 2015
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN YANG DISEDIAKAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** Murid Pintar Cerdas merupakan aset negara yang kian mendapat perhatian. Menurut Gagne (1995), seseorang itu dianggap pintar cerdas sekiranya dia bukan sahaja memiliki kemampuan kognitif yang tinggi bahkan boleh menggunakan kemampuan tersebut dengan baik.
- (a) Huraikan punca kanak-kanak pintas cerdas berisiko. (10 markah)
- (b) Bandingkan Program Pecutan dengan Program Pengayaan untuk kanak-kanak Pintar Cerdas. (10 markah)
- S2** *Individual Disabilities Education Act* mendefinisikan kepelbagaiannya kecacatan sebagai “kecacatan yang wujud pada seseorang individu itu secara seiring atau bersama.”
- (a) Merujuk kepada definisi tersebut, jelaskan pengertian *deafblindness* dan TIGA (3) keadaan yang mempengaruhi kehidupan seseorang yang menghadapi *deafblindness*. (8 markah)
- (b) Nyatakan masalah pendidikan yang dihadapi oleh kanak-kanak pelbagai kecacatan dan huraikan cadangan pendidikan yang bersesuaian. (12 markah)
- S3** Ketidakupayaan utama kanak-kanak autistik adalah ketidakupayaan komunikasi sosial, ketidakupayaan interaksi sosial dan ketidakupayaan imaginasi.
- (a) Nayatakan LIMA (5) strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kanak-kanak autistik. (5 markah)
- (b) Berdasarkan strategi pengajaran yang sesuai dengan kanak-kanak autistik, jelaskan bagaimana anda dapat mengaplikasikan kaedah tersebut dengan berkesan. (15 markah)

- S4** Kanak-kanak bermasalah pendengaran dan penglihatan ialah golongan yang termasuk dalam kategori kanak-kanak berkeperluan khas.
- (a) Terangkan tahap-tahap masalah penglihatan dan pendengaran. (12 markah)
- (b) Pilih dan huraikan faktor yang menjadi penyebab berlakunya cacat penglihatan dan cacat pendengaran. (8 markah)
- S5** Masalah tingkahlaku di kalangan kanak-kanak perlu diambil perhatian yang serius oleh semua pihak.
- (a) Sebagai seorang guru, huraikan faktor-faktor yang perlu diambil kira semasa menilai tingkahlaku tidak normal dan faktor-faktor penyebab masalah tingkahlaku. (10 markah)
- (b) Cadangkan kaedah mengurus tingkahlaku kanak-kanak serta huraikan sokongan cadangan tersebut. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-
